



SMK SERI BINTANG SELATAN

Sekolah Kluster Kecemerlangan
JALAN 3/91A, TAMAN SHAMELIN PERKASA, 56100 CHERAS, KUALA LUMPUR.
[tel] : 03 92004326 [fax] : 03 92004327

Ruj. Kami: SMKSBS 700-5/1/3 (1)

Tarikh : 13 Jun 2022

Semua Ibu Bapa / Penjaga
Murid-murid SMK Seri Bintang Selatan,
Kuala Lumpur

Y.Bhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan,

MAKLUMAN UJIAN SARINGAN THALASSEMIA, SUNTIKAN IMUNISASI PENCEGAHAN TETANUS (ATT) DAN RAWATAN PERGIGIAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan, pihak sekolah dengan kerjasama Pasukan Kesihatan Sekolah Klinik Kesihatan Cheras dan Klinik Pergigian Cheras Baru telah bersetuju untuk melaksanakan saringan Thalassemia, saringan ATT serta rawatan pergigian terhadap murid-murid SMK Seri Bintang Selatan mengikut ketetapan berikut :

Bil	Tarikh	Perkara	Sasaran
1	27/06-30/08/2022	Pemeriksaan dan rawatan pergigian	Semua murid
2	20-21/06/2022	Ujian Saringan Thalassemia	Murid tingkatan 4
3	08-10/08/2022	Suntikan Imunisasi ATT	Murid tingkatan 3

3. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah amat berharap agar Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat memastikan anak/anak jagaan pihak Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan membuat persiapan secukupnya sama ada dari segi mental, emosi mahupun fizikal dalam tempoh berkenaan. Murid-murid yang terlibat dengan ujian saringan dan suntikan dinasihatkan berpakaian sukan pada hari tersebut.

4. Segala kerjasama dan keprihatinan pihak Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam menjayakan program ini didahului dengan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(SALINA BINTI ABDUL MANAF)
PENOLONG KANAN PENTADBIRAN
B. P PENGETUA
SMK SERI BINTANG SELATAN
56100 KUALA LUMPUR